

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGAM]**

**SOALAN : 248**

**Datuk Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu pelarian dan pemohon suaka ke Malaysia yang kini mencecah angka 150,430 orang pelarian berdaftar [Jan, 2017]. Adakah kerajaan akan hanya bergantung kepada perkhidmatan UNHCR bagi penempatan semula atau mengenal pasti 'possible solution' dalam isu pelarian ini.

**JAWAPAN:** **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat memandang serius mengenai keberadaan pemegang kad UNHCR dan pemohon suaka di Malaysia. Malaysia bukan merupakan Negara Ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 atau Protokol 1967. Di kalangan negara ASEAN hanya Filipina dan Kemboja merupakan Negara Ahli kepada Konvensyen dan Protokol ini. Kemakmuran ekonomi, keamanan dan jaminan keselamatan Malaysia kini telah diambil peluang oleh pemegang kad UNHCR ini dengan menjadikan Malaysia sebagai negara destinasi. Sehingga 31 Januari 2017, terdapat 150,430 orang berdaftar

dengan UNHCR terdiri dari 92,443 pemegang kad UNHCR dan 57,987 pemohon suaka dari 61 buah negara.

Pihak UNHCR sebagai agensi dibawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menentukan status pemegang kad UNHCR bertanggungjawab bagi memastikan hanya individu yang layak sahaja diberikan kad UNHCR dan bukannya disebabkan oleh faktor ekonomi, tidak melaksanakan temubual kepada pemohon secara *walk in* kecuali di Depoh Imigresen, memastikan kad UNHCR yang dikeluarkan mempunyai ciri-ciri keselamatan, memastikan kebajikan sara hidup, akses kepada perkhidmatan kesihatan dan pendidikan.

Bagi meningkatkan pemantauan dan penyelarasan ke atas UNHCR dan pemegang kad UNHCR ini, Kerajaan telah mewujudkan *Joint Task Force (JTF)* dengan pihak UNHCR. JTF ini turut membincangkan mengenai penghantaran pulang ke negara asal atau penempatan ke negara ketiga bagi pemegang kad UNHCR ini. Mesyuarat pertama JTF telah diadakan pada 6 Disember 2017.

Kerajaan juga melalui Kementerian Luar Negeri terus mengadakan perbincangan dan rundingan kepada negara-negara asal pemegang kad UNHCR bagi penghantaran pulang secara sukarela ke negara asal dan mengenalpasti penempatan ke negara ketiga melalui Pertubuhan Kerjasama Negara Islam (OIC), Kesatuan Eropah (EU), Amerika Syarikat serta Negara Ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK LIANG TECK  
MENG [ SIMPANG RENGAM ]**

**SOALAN :**

**Datuk Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan status terkini permohonan semakan semula keputusan ICJ berhubung Pedra Branca (Pulau Batu Puteh).**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah memfailkan permohonan semakan terhadap keputusan kes tersebut di hadapan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 2 Februari 2017.

Buat masa ini, pihak ICJ telah memaklumkan kepada pihak Singapura mengenai permohonan semakan tersebut. Pada ketika ini, Malaysia masih menunggu pihak Singapura mengemukakan pemerhatian bertulis (*written observation*) kepada permohonan semakan yang dikemukakan oleh Malaysia.

Tindakan Peguam Negara memfailkan permohonan semakan ini berdasarkan keyakinan bahawa penemuan fakta baharu akan mendapat pertimbangan seadilnya daripada ICJ memandangkan fakta baharu yang ditemui tersebut tidak diketahui oleh ICJ ketika penghakiman dibuat.

Terdapat tiga keterangan baharu yang ditemui antara 4 Ogos 2016 hingga 30 Januari 2017 iaitu surat-menyurat dalaman pihak berkuasa tanah jajahan Singapura dalam tahun 1958, laporan mengenai suatu kejadian yang difailkan oleh seorang pegawai tentera laut Britain dalam tahun 1958 dan peta berserta catatan mengenai operasi tentera laut dari tahun 1960-an. Ketiga-tiga keterangan yang ditemui tersebut telah dirujuk kepada Peguam Diraja (*Queen's Counsels*) yang berpandangan bahawa Malaysia mempunyai asas yang kukuh untuk meneruskan tindakan memfailkan permohonan semakan keputusan ICJ 2008 bagi mendapatkan kembali kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh. Sekian, terima kasih.